

Headline	Kes dijangkrti HIV menurun		
MediaTitle	Kosmo Ahad		
Date	02 Dec 2012	Color	Full Color
Section	Semasa	Circulation	120,848
Page No	8	Readership	269,000
Language	Malay	ArticleSize	107 cm ²
Journalist	LUQMAN RIDHWAN MOHD. NOR	AdValue	RM 1,282
Frequency	Daily	PR Value	RM 3,846



Kes dijangkiti HIV menurun

Oleh LUQMAN RIDHWAN MOHD. NOR

KUALA LUMPUR – Jumlah pesakit yang dijangkiti Human Immunodeficiency Virus (HIV) di negara ini semakin menurun apabila sebanyak 3,392 kes dilaporkan menjelang hujung tahun ini berbanding 3,749 kes tahun lalu.

Pengarah Kawalan Penyakit Kementerian Kesihatan, Dr. Chong Chee Kheong (**gambar**) berkata, pada tahun ini, jumlah kes yang dilaporkan adalah

pada kadar 11.8 kes bagi setiap 100,000 penduduk.

“Ia merupakan sesuatu yang positif memandangkan dalam sembilan bulan pertama tahun ini, sebanyak 2,544 kes jangkitan HIV baharu telah dilaporkan.

“Kemungkinan besar sasaran kerajaan iaitu 11 kes bagi setiap 100,000 penduduk menjelang tahun 2015 akan dapat

dicapai lebih awal,” katanya selepas menghadiri majlis pelancaran Sambutan Hari AIDS Sedunia 2012 yang bertemakan *Menuju Sifar* di sini semalam.

Dalam pada itu, Chee Kheong berkata, seramai 16,500 pesakit HIV dijangka menerima rawatan antiretroviral (ARV) yang dapat merendahkan paras virus itu dalam tubuh manusia serta me-

ngekalkan kesihatan mereka dan mengurangkan risiko penyebarannya.

